SOALAN NO. 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]

TARIKH : 8 OGOS 2017

SOALAN :

YB Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk melanjutkan tempoh perkhidmatan Ketua Hakim Negara selepas tempoh perkhidmatan beliau tersebut luput walaupun perlanjutan tersebut berkemungkinan besar adalah tidak berperlembagaan. Sekiranya ya, nyatakan sebabnya.

JAWAPAN: **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Fasal (1) Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat YAB Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja yang bersidang pada 24 dan 25 Mei 2017, telah memperkenankan YAA Tan Sri Dato' Seri Md Raus bin Sharif yang sebelum ini telah dilantik sebagai hakim tambahan bagi Mahkamah Persekutuan untuk tempoh 3 tahun mulai 4 Ogos 2017 di bawah Fasal (1A) Perkara 122 Perlembagaan Persekutuan, terus memegang jawatan Ketua Hakim Negara mulai tarikh dan untuk tempoh yang sama.

YAB Perdana Menteri, sebelum memberi nasihat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas pelantikan YAA Tan Sri Dato' Seri Md Raus bin Sharif sebagai Ketua Hakim Negara, telah mendapat pandangan daripada Anggota Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perlantikan YAA Tan Sri Dato' Seri Md Raus bin Sharif sebagai hakim tambahan Mahkamah Persekutuan setelah mencapai umur 66 tahun dan 6 bulan adalah atas sembah cadangan dan nasihat Ketua Hakim Negara pada ketika itu, YAA Tun Arifin bin Zakaria

kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 30 Mac 2017 sebelum YAA Tun Arifin bin Zakaria bersara. Cadangan dan nasihat itu telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selaras dengan Fasal (1A) Perkara 122 Perlembagaan Persekutuan.

Sehubungan dengan itu, pelantikan tersebut tidak bercanggah dengan mana-mana peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan kerana keputusan dan aturcara pelantikan tersebut adalah selaras dengan peruntukan-peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan sekarang. Pelantikan ini adalah bertujuan untuk mengekalkan pengalaman dan kepakaran beliau dalam menerajui Badan Kehakiman negara.

Sekian, terima kasih.